

**PENGETAHUAN, KEMAHIRAN, SIKAP DAN MASALAH GURU DALAM MELAKSANAKAN
PENTAKSIRAN BILIK DARJAH BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH**

(*Knowledge, Skills, Attitude and Problem of Teacher's in Implementing Classroom Assessment
Malay Language in Primary Schools*)

SH. SITI HAUZIMAH WAN OMAR

Sekolah Kebangsaan Abdul Kadir
Kementerian Pendidikan Malaysia
ctmaz1975@gmail.com

Dihantar pada:

18 Mac 2018

Diterima pada:

20 November 2018

Koresponden:

ctmaz1975@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan sikap guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi subjek Bahasa Melayu. PBD merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik, iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Seramai 95 orang guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah pedalaman di daerah Betong, Sarawak dijadikan responden kajian. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science (SPSS)* versi 22. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu telah bersedia untuk melaksanakan PBD di mana skor min setiap elemen adalah tinggi, iaitu pengetahuan guru (min=4.075), kemahiran guru (min=4.037) dan sikap guru (min=4.078). Implikasi kajian ini ialah guru-guru Bahasa Melayu telah bersedia untuk melaksanakan PBD walaupun pelaksanaan PBD merupakan satu yang baharu diperkenalkan oleh KPM.

Kata kunci: Pengetahuan, kemahiran, sikap, pentaksiran bilik darjah, sekolah rendah

Abstract: The purpose of this study is to examine the level of knowledge, attitude, attitude and problem of teachers of Malay Language in implementing the classroom assessment (CA) for Malay Language subjects. CA is a holistic assessment, which assesses cognitive (intellectual), affective (emotional and spiritual) aspects and psychomotor (physical) in line with the Primary School Standard Curriculum and National Education Philosophy. A total of 95 Malay teachers in rural schools in Betong district, Sarawak were surveyed. The research instrument used is a questionnaire. The data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22. The data were analyzed using statistical and inferential statistics. The findings show that teachers are prepared to implement CA where the mean score of each element is high, that is, the knowledge of teachers (mean = 4.075), teacher skills (mean = 4.037) and teacher attitude (mean = 4.078). The implication of this study is that the teachers of Malay Language are ready to implement the CA although the implementation of the CA is a new one introduced by Ministry of Education.

Keywords: Knowledge, skill, attitude, problem, classroom assessment, primary school

PENGENALAN

Pentaksiran bilik darjah (PBD) telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaras dengan perubahan dalam Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) pada tahun 2017 untuk sekolah menengah dan 2018 untuk sekolah rendah. Melalui garis Panduan Pelaksanaan PBD (KPM 2018), guru dapat membuat penilaian secara menyeluruh dari aspek penilaian kognitif (intelekt), psikomotor (jasmani), afektif (emosi dan rohani), sosial, dan seiring dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan aspek fizikal, mental dan kerohanian, iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI).

PBD merupakan satu pentaksiran yang lebih lengkap, bermakna, sah, dan tepat untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid. Menurut Jamil (2008), guru boleh menggunakan proses pengukuran, penilaian dan pentaksiran untuk mendapatkan maklumat hasil pembelajaran murid. Pentaksiran yang mantap dan berkesan menolong guru mengenal pasti tahap pembelajaran murid dan keberkesanan pengajaran guru (Akhbar & Siti Zaliha 2002).

Untuk peringkat sekolah menengah, PBD dilaksanakan mulai tahun 2017, manakala untuk sekolah rendah bermula tahun 2018 dengan pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi murid-murid Tahap 1 di semua sekolah rendah di bawah KPM. PBD merupakan kaedah pentaksiran yang bersifat autentik dan holistik serta lebih berfokus kepada perkembangan dan pembelajaran murid dan bukan lagi berorientasikan peperiksaan (KPM 2018). Seiring dengan perkembangan dan penguasaan murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), guru memainkan peranan yang penting dalam PBD.

Dalam menjalankan PBD, guru lebih memberikan tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dapat membina karakter dan sahsiah murid dan amalan nilai rutin harian (KPM 2018). Guru perlu melakukan pentaksiran dan melaksanakan PBD dengan mentadbir, menilai, memberi skor dan merekodkan pencapaian keseluruhan murid di peringkat sekolah (Zamri et al. 2010). Bentuk pentaksiran PBD diharapkan akan melahirkan murid yang bermodal insan yang progresif, berdaya saing,

inovatif, dan kreatif sebagai mana kehendak negara (KPM 2011b).

PBD merupakan satu kaedah pentaksiran yang baharu diperkenalkan oleh KPM. Menurut KPM (2018), terdapat dua jenis pentaksiran PBD, iaitu pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah tentang kesediaan mereka untuk melaksanakan PBD Bahasa Melayu melalui pentaksiran yang dijalankan dalam kedua-dua jenis pentaksiran tersebut. Kajian persepsi ini meninjau dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah.

PENYATAAN MASALAH

Bagi mencapai matlamat KSSR, guru memainkan peranan yang penting untuk menentukan dasar ini berjaya (KPM 2010). Salah satu aspek yang ditekankan dalam KSSR ialah corak pentaksiran di peringkat sekolah. Semasa proses P&P, pentaksiran hendaklah bersesuaian dengan pencapaian atau pemahaman murid untuk memberikan maklumat hasil pembelajaran (Musa 2008). Mulai 2018, pelaksanaan PBD akan dilakukan sepenuhnya dalam konteks KSSR terhadap murid-murid Tahap 1 sekolah rendah. Dalam pelaksanaan PBD, guru memainkan peranan yang penting kerana guru merupakan kumpulan yang akan mengupayakan proses P&P yang berkesan (KPM 2018).

Namun, permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian ini adalah sejauh manakah isu pelaksanaan PBD di sekolah rendah tercapai dengan sempurnanya dari aspek tahap kesediaan guru untuk menjalankan tugas membuat PBD? Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Aniza (2014), berkaitan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) guru Bahasa Melayu, aspek kemahiran guru merupakan faktor utama. Dengan itu, penguasaan kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan pentaksiran amatlah perlu bagi seorang pendidik seperti guru. Hal ini kerana masih terdapat golongan guru yang masih keliru dan belum bersedia dalam melaksanakan PBD. Guru merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mengenal pasti kebolehan, penguasaan, kemajuan dan pencapaian murid dengan menentukan hasil pembelajaran yang hendak

dinilai, merancang dan membina instrumen penilaian, melaksanakan penilaian, merekodkan hasil penilaian, menganalisis maklumat, melaporkan dan membuat tindakan susulan (Zamri et al. 2010).

Masalah terhadap bebanan tugas dan tanggungjawab guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) terlalu berat dan guru sendiri perlu memahami objektif dan tujuan pentaksiran dengan jelas serta telus perlu juga diberikan perhatian. Kajian yang dijalankan oleh Zamri et al. (2010) dan Aniza (2014) membuktikan PBS masih memberi kesan kepada beban tugas guru. Justeru, langkah KPM memperkenalkan PBD pada tahun 2017 untuk sekolah menengah dan 2018 untuk sekolah rendah merupakan langkah tepat untuk mengurangkan beban tugas guru dalam membuat PBD. Buku Panduan Pelaksanaan PBD yang diperkenalkan oleh KPM (2018) banyak membantu guru merancang dan merangka kaedah terbaik dalam membuat pentaksiran dalam kalangan murid mereka, termasuk dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

Kajian tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu tentang PBD belum pernah dikaji. Kajian tentang pentaksiran lebih banyak dijalankan untuk PBS dan bukan PBD (rujuk kajian Zamri et al. 2010, Aniza 2014, Noraini & Zamri 2016, Norzaiton & Jamaludin 2016) Justeru, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti persepsi guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah tentang kesediaan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka terhadap pelaksanaan PBD oleh KPM.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah di kawasan luar bandar dan pedalaman melaksanakan PBD Bahasa Melayu. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan PBD.
2. Mengetahui tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan PBD.

3. Mengetahui tahap sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan PBD.
4. Mengetahui tahap masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan PBD.

METADOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Creswell (2008) menegaskan bahawa reka bentuk kajian tinjauan merupakan langkah-langkah dalam kajian kuantitatif di mana pengkaji melakukan tinjauan ke atas sampel dan populasi. Dalam kajian ini juga, instrumen bagi menilai kesediaan guru dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu. Kesediaan guru merujuk kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru tentang pelaksanaan PBD. Aspek masalah pelaksanaan PBD pula untuk mengetahui sejauh mana PBD memberikan masalah kepada guru Bahasa Melayu untuk melaksanakannya di dalam bilik darjah.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Instrumen soal selidik diubah suai daripada kajian Tuan Azlyna (2013) dan Aniza (2014) yang mengkaji pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Terdapat lima bahagian digunakan dalam soal selidik ini. Bahagian A tentang demografi responden. Bahagian B tentang tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS (11 item). Bahagian C tentang kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS (11 item). Bahagian D tentang tahap sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS (10 item). Bahagian E tentang tahap masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD (10 item).

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan kepada 10 orang responden yang dipilih bagi memastikan ketepatan soal selidik dari sudut kefahaman responden. Ketepatan yang dimaksudkan merangkumi aspek isi kandungan, kejelasan, tatabahasa, dan kebolehpercayaan item. Untuk mengetahui pengetahuan, kemahiran, sikap dan permasalahan

guru melaksanakan PBD, dapatan kajian rintis telah menunjukkan bahawa skor min sikap guru dalam melaksanakan PBD (min 4.30) adalah sangat tinggi berbanding dengan skor min kemahiran dan permasalahan (min 4.10). Hal ini menunjukkan bahawa kesediaan guru dalam melaksanakan PBD adalah berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan kesediaan guru dalam aspek kemahiran dan pengetahuan, masing-masing menunjukkan tahap yang sama tinggi (min 4.10). Aspek pengetahuan mempunyai skor min yang paling rendah (min 4.0) berbanding kemahiran dan permasalahan. Walaupun demikian, semua aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan permasalahan berada tahap yang tinggi. Hasil kajian rintis tersebut nilai alpha Cronbach untuk soal selidik kesediaan guru melaksanakan PBD bagi aspek Pengetahuan ialah 0.846, Kemahiran ialah 0.805, Sikap ialah 0.830 dan Masalah ialah 0.889

Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian

Dalam konteks kajian ini, pemilihan sampel kajian diambil daripada populasi kajian yang terdiri daripada 98 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar sekolah rendah di daerah Betong. Bagi tujuan penyelidikan ini, pemilihan sampel kajian dilakukan secara rawak mudah yang melibatkan sebanyak 18 buah sekolah daripada 47 buah sekolah rendah kebangsaan yang terdiri daripada seramai 98 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBD subjek Bahasa Melayu. Bilangan sampel bersesuaian dengan kajian kuantitatif yang memerlukan bilangan sampel yang besar untuk mewakili populasi kajian. Seramai 98 orang telah dipilih dalam kajian ini. Namun, hanya 95 orang sahaja yang menyerahkan borang soal selidik semula.

JADUAL 1. Taburan responden berdasarkan sekolah kajian

Bil.	Senarai Sekolah	Guru Yang Mengajar Bahasa Melayu (N=98)
1.	SK Abang Abd.Kadir	9
2	SK Saint Augustine	6
3	SK Saka	6
4	SK Nanga Spak	5
5	SK Nanga Ajau	8
6	SK Issu Bangat	4

7	SK Nanga Enteban	3
8	SK Nanga Lidong	3
9	SK Nanga Tiga	6
10	SK Saint Mark	5
11	SK Saint Peter & Paul	5
12	SK Nanga Passa	6
13	SK Tanjung Assam	4
14	SK Balingan	5
15	SK Batholomeuw	4
16	SK Nanga Lawih	6
17	SK Sebemban	4
18	SK Spaoh	9

Analisis Data

Soal selidik dianalisis secara deskriptif, iaitu mencari nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Soal selidik dianalisis menggunakan SPSS versi 23.0. Soal selidik dianalisis secara deskriptif sahaja. Skor min yang diperoleh dirujuk berdasarkan skala min Mohd Majid (2005), iaitu 1.00-2.66 (Rendah), 2.67-3.66 (Sederhana) dan 3.67-5.00 (Tinggi).

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Demografi responden dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden iaitu bangsa, jantina, umur, lokasi, ikhtisas, akademik dan pengalaman. Seramai Sembilan puluh lima orang guru yang terlibat sebagai responden kajian. Demografi responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Demografi responden (N = 95)

Latar Belakang Responden	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
• Lelaki	58	61.10
• Perempuan	37	38.90
Kelayakan		
• SPM	27	28.40
Akademik		
• STPM	4	4.20
• Ijazah Sarj Muda	62	65.30
• Ijazah Sarjana	2	2.10
Bangsa		
• Melayu	53	53.70
• Bumi Sarawak	44	46.30
Pengalaman Mengajar		
• Kurang 3 tahun	11	11.60
• 3 - 10 tahun	14	14.70
• Lebih 3 tahun	70	73.70
Lokasi		
• Luar bandar	55	57.90
• Pedalaman	40	42.10

Berdasarkan bangsa guru seramai 51 orang responden (53.70%) berbangsa Melayu dan

seramai 44 orang responden (46.30%) lain-lain bangsa yang terdiri daripada Bumiputera Sarawak. Dari segi jantina pula, seramai 58 orang responden (61.10%) merupakan guru lelaki dan seramai 37 orang responden (38.90%) pula merupakan guru perempuan. Hal ini bermakna bahawa responden guru lelaki melebihi responden guru perempuan. Dari segi umur pula, seramai 18 orang responden (18.90%) berumur antara 20 hingga 30 tahun, seramai 29 orang responden (30.50%) berumur di antara 31 hingga 40 tahun dan seramai 48 orang responden (50.50%) adalah berumur dalam lingkungan 41 hingga 60 tahun. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden yang terlibat adalah terdiri daripada golongan guru yang berpengalaman dari segi bekerja.

Apabila ditinjau dari segi akademik tertinggi yang dimiliki responden, seramai 27 orang responden (28.40%) memiliki SPM, 4 orang responden (4.20%) memiliki STPM, 62 orang responden (65.30%) memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan seramai 2 orang responden (2.10%) memiliki Ijazah Sarjana. Seterusnya, profil responden yang lain lokasi responden mengajar. Seramai 55 orang responden (57.90%) mengajar di kawasan luar bandar dan seramai 40 orang responden (42.10%) mengajar di kawasan pedalaman. Hal ini bermakna, kebanyakan responden yang terlibat mengajar di sekolah luar bandar.

Berdasarkan pengalaman mengajar responden. Seramai 11 orang responden (11.60%) telah mengajar kurang daripada 3 tahun dan merupakan golongan guru yang masih muda berkhidmat dalam dunia pendidikan. Seramai 14 orang responden (14.70%) telah mempunyai pengalaman mengajar di antara 3 tahun hingga 10 tahun. Seramai 70 orang (73.70%) telah mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun. Hal ini bermakna bahawa kebanyakan responden merupakan terdiri daripada guru yang berpengalaman dalam dunia pendidikan.

Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan, sisihan piawai dan min dijalankan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan guru tersebut. Jadual 3, menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, sisihan piawai, peratusan min dan tahap

yang dicapai oleh skor min setiap item tentang pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kesemua item pengetahuan berada pada tahap tinggi. Pengetahuan guru melaksanakan PBD semasa proses P&P mempunyai min 3.99. Dari segi peratusan 93.70% responden menyatakan mereka setuju dan sangat setuju tahu melaksanakan PBD semasa proses P&P. Sebanyak 5.30% responden menyatakan mereka kurang setuju dan 1.10% responden menyatakan mereka tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Bagi item pengetahuan bahawa kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku Panduan Pelaksanaan PBD yang disediakan oleh KPM untuk Tahap 1 mempunyai min 4.05. Kekekapan menunjukkan bahawa 84.20% guru menyatakan mereka setuju dan sangat setuju bahawa kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku pentaksiran yang disediakan oleh KPM. Sebanyak 10.50% kurang setuju dan 5.30% orang guru menyatakan mereka kurang setuju dan tidak setuju bahawa kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku pentaksiran yang disediakan oleh LPM untuk Tahap 1 dan KPM untuk Tahap 2. Keadaan ini diperkuat juga oleh 51.60% orang guru menyatakan mereka setuju dan sangat setuju bahawa bahawa setiap pentaksiran perlu mengikut DSKP dan tahu melaksanakan PBD dengan mengikut garis Panduan Pelaksanaan PBD yang ditetapkan oleh KPM.

Seterusnya bagi item yang menunjukkan min tinggi, iaitu tahu pelaksanaan PBD dapat membantu meningkatkan pencapaian murid. Hal ini dinyatakan apabila tinjauan menunjukkan bahawa 82.10% guru menyatakan mereka setuju dan sangat setuju dengan item tersebut. Bagi melicinkan pelaksanaan PBD, 82.10% guru bersetuju dan sangat bersetuju bahawa dalam melaksanakan PBD, pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen masing-masing tahu sekolah wajib melaksanakan PBD bagi semua mata pelajaran mulai 2018 dan 73.70% guru tahu bahawa pihak sekolah perlu menubuhkan Jawatankuasa PBD yang terdiri daripada pentaksir, penyelaras dan pemantau dalaman bagi memastikan PBD dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan. Selain itu, 74.70% guru menyatakan mereka bersetuju dan sangat bersetuju bahawa PBD memberi penekanan kepada bentuk pentaksiran yang mengukur penguasaan kemahiran

dan sahshiah berbanding penguasaan kandungan mata pelajaran semata-mata.

JADUAL 3. Pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD (N=95)

Bil.	Item	STS + TS	KS	S + SS	Min	Tahap Min
1	Saya laksanakan PBD semasa proses P&P.	1.10%	5.30%	93.70%	3.99	Tinggi
2	Saya tahu bahawa kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku Panduan Pelaksanaan PBD yang disediakan oleh KPM.	5.3%	10.50%	84.20%	4.05	Tinggi
3	Saya tahu pelaksanaan PBD dapat membantu meningkatkan pencapaian murid.	7.40%	10.50%	82.10%	4.03	Tinggi
4	Saya tahu PBD mengubah kaedah sistem pengujian daripada ujian pencapaian kepada ujian kebolehan murid.	1.10%	8.40%	90.50%	3.98	Tinggi
5	Saya tahu dalam melaksanakan PBD, pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen masing-masing.	12.60%	5.30%	82.10%	4.07	Tinggi
6	Saya tahu sekolah wajib melaksanakan PBD bagi semua mata pelajaran mulai 2017.	2.10%	23.20%	74.70%	4.21	Tinggi
7	Saya tahu PBD memberi penekanan kepada bentuk pentaksiran yang mengukur penguasaan kemahiran berbanding penguasaan kandungan mata pelajaran.	9.50%	15.80%	74.70%	4.06	Tinggi
8	Saya tahu pihak sekolah perlu menubuhkan Jawatankuasa PBD yang terdiri daripada pentaksir,penyelaras,dan pemantau dalaman bagi memastikan PBD dikendalikan mengikut prosedur ditetapkan.	5.30%	21.10%	73.70%	4.16	Tinggi
9	Saya tahu setiap pentaksiran perlu mengikut dokumen standard kurikulum dan dan pentaksiran BM.	5.30%	20.70%	74.70%	4.15	Tinggi
10	Saya tahu PBD dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPM.	5.30%	43.20%	51.60%	4.38	Tinggi
11	Saya tahu pelaksanaan PBD meningkatkan kepuasan, kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap sekolah	10.50%	36.80%	52.60%	3.74	Tinggi
Purata Keseluruhan					4.075	Tinggi

Kesimpulannya, pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang pelaksanaan PBD adalah tahap tinggi. Guru Bahasa Melayu sekolah rendah walaupun di pedalaman mengetahui akan pelaksanaan PBD seperti mana yang diarahkan oleh KPM untuk dilaksanakan mulai tahun 2018. Pengetahuan guru Bahasa Melayu ini memudahkan proses PBD dilakukan dengan baik dan tepat mengikut kemahiran, keupayan dan kebolehan murid berdasarkan aspek-aspek yang hendak diukur dalam PBD tersebut.

Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Berdasarkan dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan, sisihan piawai dan min dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD, Jadual 3, menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, sisihan piawai, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang kemahiran guru dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu di sekolah rendah. Dari segi min yang diperoleh, kesemua 11 item kemahiran mempunyai skor min yang tinggi, iaitu skor min lebih daripada 4.00. Hal ini menyatakan bahawa guru boleh menetapkan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen PBD.

Sentiasa menjadikan dokumen Panduan Pelaksanaan PBD sebagai panduan terbaik untuk murid Tahap 1 dan DSKP untuk murid Tahap 2. Kemahiran guru dalam perkaitan antara penetapan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen PBD mendapat min tinggi (min=4.06) dengan 85.30% guru menunjukkan bahawa mereka bersetuju dan sangat bersetuju mahir dalam penetapan objektif PBD. Sebanyak 14.70% sahaja guru menyatakan mereka tidak bersetuju sangat tidak bersetuju dan kurang bersetuju dalam kemahiran penetapan objektif PBD.

Dalam item menjadikan Dokumen Standard Prestasi Pentaksiran sebagai panduan terbaik untuk Tahap 1 dan DSKP untuk Tahap 2, seramai 84.20% guru menyatakan mereka mahir dan bersetuju dan sangat bersetuju dan 15.80% guru tidak bersetuju dan kurang bersetuju. Skor min bagi item tersebut adalah tinggi iaitu skor min 4.07 dan berada pada tahap tinggi. Bagi item tahap kemahiran dalam mengendalikan band atau tahap

penguasaan dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran menunjukkan skor min paling tinggi (min 4.38). Dari peratusan pula, 64.20% guru menyatakan mereka mahir dalam pengendalian band atau tahap penguasaan dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran. Hal ini diperkuatkan dengan kemahiran guru yang tinggi dalam item merujuk kepada DSP dan DSKP untuk menentukan band dan tahap penguasaan murid dengan skor min 4.25. Seramai 76.80% guru memberi respon bahawa mereka bersetuju dan sangat bersetuju dengan item tersebut.

Terdapat seramai 71.60% guru melaporkan bahawa mereka mahir dalam melaksanakan pentaksiran secara berterusan semasa P&P dijalankan di dalam kelas. 16.30% kurang bersetuju dan 11.60% guru tidak bersetuju. Bagi item mempelbagaikan kaedah yang bersesuaian ketika mentaksir murid, seramai 78.90% guru melaporkan bahawa mereka setuju dan sangat bersetuju dan 21.10% guru kurang setuju dan tidak setuju dengan item tersebut. Item kemahiran yang mempunyai skor min tinggi (4.11) juga dinyatakan dalam mempelbagaikan instrumen yang bersesuaian ketika mentaksir murid. Seramai 78.90% guru setuju dan sangat setuju dan 15.80% kurang setuju serta 8.40% tidak setuju.

Namun tidak semua guru melaporkan mereka setuju dalam memberitahu murid bahawa mereka akan ditaksir sebelum taksiran dilaksanakan. Seramai 52.60% guru setuju dan sangat setuju, 37.90% guru melaporkan bahawa mereka kurang setuju dan 9.50% guru melaporkan mereka sangat tidak setuju dan tidak setuju. Begitu juga bagi item melakukan pentaksiran sendiri dan menentukan band dan tahap penguasaan murid. Seramai 61.10% guru bersetuju dan sangat setuju, 29.50% guru kurang setuju dan 9.50% guru tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi item kemahiran dalam memasukkan prestasi murid di dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Sekolah secara 'Off-line' secara teratur menyatakan bahawa 92.70% guru setuju dan sangat setuju, 6.30% kurang setuju dan 1.10% guru tidak setuju dan sangat tidak setuju. Dari segi min yang dicapai kemahiran dalam pengurusan dan proses memasukkan prestasi murid adalah 3.74.

Kesimpulannya, kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah rendah untuk melaksanakan PBD adalah tahap tinggi. Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki tentang PBD, guru-

guru Bahasa Melayu ini mempunyai kemahiran yang tinggi tentang PBD. Dengan kata lain, guru-guru Bahasa Melayu ini sudah bersedia untuk melaksanakan PBD seperti mana yang diarahkan oleh KPM untuk murid sekolah rendah pada tahun 2018.

JADUAL 4. Kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD (N=95)

Bil	Item	STS + TS	KS	S + SS	Min	Tahap Min
1	Saya menetapkan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen pentaksiran	4.20%	10.50%	85.30%	4.06	Tinggi
2	Saya menjadikan Dokumen Standard Prestasi Pentaksiran sebagai panduan terbaik untuk Tahap 1 dan DSKP untuk Tahap 2	4.20%	11.60%	84.20%	4.07	Tinggi
3	Saya melaksanakan pentaksiran secara berterusan semasa P&P dijalankan di dalam kelas.	11.60%	16.30%	71.60%	4.05	Tinggi
4	Saya mempelbagaikan kaedah pentaksiran yang bersesuaian ketika mentaksir murid.	5.30%	15.80%	78.90%	4.11	Tinggi
5	Saya mempelbagaikan instrumen pentaksiran yang bersesuaian ketika mentaksir murid.	8.40%	15.80%	75.80%	4.07	Tinggi
6	Saya merujuk kepada DSP dan DSKP untuk menentukan band dan tahap penguasaan murid.	4.20%	18.9%	76.80%	4.25	Tinggi
7	Saya memberitahu murid bahawa mereka akan ditaksir sebelum taksiran dilaksanakan	9.50%	37.90%	52.60%	3.72	Tinggi
8	Saya melakukan pentaksiran sendiri dan menentukan band dan tahap penguasaan murid.	9.50%	29.50%	61.10	4.16	Tinggi
9	Saya meningkatkan kemahiran mentaksir setelah menjalankan beberapa kali pentaksiran	9.50%	26.30%	64.20	4.15	Tinggi
10	Saya mengendalikan band atau tahap penguasaan dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran BM.	2.10%	33.70%	64.20%	4.38	Tinggi
11	Saya memasukkan prestasi murid dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Sekolah secara 'Off-line' secara teratur.	1.10%	6.30%	92.70%	3.74	Tinggi
Purata Keseluruhan					4.037	Tinggi

Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Jadual 5 membincangkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, sisihan piawai, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang sikap guru dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu di sekolah rendah. Item sikap yang menunjukkan skor min tertinggi (min 4.26) iaitu mengikuti perancangan serta waktu yang telah ditetapkan oleh KPM. Dari segi peratusannya, sebanyak 61.10% guru melaporkan setuju dan sangat setuju, 32.60% kurang setuju dan 6.30% tidak setuju dan sangat tidak setuju. Sikap yang tinggi lainnya ditunjukkan oleh persetujuan dengan skor min 4.23, iaitu menjadikan maklum balas prestasi PBD murid saya untuk memperbaiki pengajaran saya dengan kekerapan 94.70% setuju dan sangat setuju, 3.20% kurang setuju dan 2.10% tidak setuju dan sangat tidak setuju. Sikap yang sama mempunyai skor min yang sama tinggi (min 4.15), iaitu menghadiri taklimat berkaitan PBD yang dianjurkan oleh pihak PPD dan JPN dan mengajar mengikut kehendak PBD. Kekerapan menunjukkan bahawa 81.10% sangat setuju dan setuju, 16.80% kurang setuju dan 2.10% tidak setuju dan sangat tidak setuju dalam persetujuan dua item tersebut.

Bagi tiga item, iaitu berbincang dengan guru-guru Bahasa Melayu yang lain tentang pelaksanaan PBD, menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi sebelum menjalankan PBD di sekolah, dan menyediakan rekod prestasi murid sebelum menjalankan PBD di sekolah mempunyai skor min sama tinggi (min 4.06). Namun, kekerapan persetujuan dilaporkan adalah berbeza. Kekerapan persetujuan bagi berbincang dengan guru-guru Bahasa Melayu yang lain tentang pelaksanaan PBD, seramai 90.50% setuju dan sangat setuju, 8.40% kurang setuju dan 1.10% tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi item menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi sebelum menjalankan PBD di sekolah pula, seramai 91.60% setuju dan sangat bersetuju, 7.40% kurang bersetuju dan 1.10% tidak setuju. Bagi item menyediakan rekod prestasi murid sebelum menjalankan PBD di sekolah, seramai 93.70% mengatakan setuju dan sangat setuju, 5.30% kurang setuju dan 1.10% tidak setuju dan sangat tidak setuju.

JADUAL 5. Sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD (N=95)

Bil.	Perkara	STS + TS	KS	S + SS	Min	Tahap Min
1	Saya menyediakan rekod prestasi murid sebelum menjalankan PBD di sekolah.	1.10%	5.30%	93.70%	4.06	Tinggi
2	Saya menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi sebelum menjalankan PBD di sekolah.	1.10%	7.40%	91.60%	4.06	Tinggi
3	Saya berbincang dengan guru BM yang lain tentang pelaksanaan PBD.	1.10%	8.40%	90.50%	4.06	Tinggi
4	Saya menghadiri taklimat berkaitan PBD yang dianjurkan oleh pihak PPD dan JPN	2.10%	16.80%	81.10%	4.15	Tinggi
5	Saya mengajar murid saya mengikut kehendak PBD.	2.10%	16.80%	81.10%	4.15	Tinggi
6	Saya menyediakan banyak peluang kepada murid saya untuk berinteraksi dalam kelas.	10.50%	15.80%	73.70%	3.95	Tinggi
7	Saya memberikan penekanan yang lebih kepada memupuk pembangunan seluruh kemahiran murid.	3.20%	15.80%	81.00%	3.81	Tinggi
8	Saya menjadikan maklum balas prestasi PBD murid untuk memperbaiki pengajaran saya.	2.10%	3.20%	94.70%	4.23	Tinggi
9	Saya mengikuti perancangan serta waktu yang telah ditetapkan oleh KPM.	6.30%	32.60%	61.10%	4.26	Tinggi
10	Saya melaksanakan PBD berulang kali sekiranya murid gagal melepasi band atau tahap penguasaan yang ditaksirkan.	5.30%	9.50%	86.30%	4.04	Tinggi
Purata Keseluruhan					4.078	Tinggi

Seterusnya, dua sikap yang mempunyai nilai skor min rendah (min 3.95 dan min 3.81). Kekerapan persetujuan bagi item menyediakan banyak peluang kepada untuk berinteraksi dalam kelas melaporkan seramai 73.70% guru bersetuju dan sangat bersetuju, 15.80% guru kurang bersetuju dan 10.50% guru tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi item memberikan penekanan yang lebih kepada memupuk pembangunan seluruh kemahiran murid melaporkan skor min terendah antara 10 skor min item yang dilaporkan iaitu (min 3.81). Seramai 81.00% guru mengemukakan

bahawa bersetuju dan sangat bersetuju, 15.80% guru kurang bersetuju dan 3.20% guru tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Kesimpulannya, sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah pedalaman untuk melaksanakan PBD adalah tahap tinggi. Sikap yang positif ini menunjukkan bahawa guru sudah bersedia untuk melaksanakan PBD walaupun arahan PBD ini merupakan suatu yang diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2018 bagi sekolah rendah.

Masalah dalam Pelaksanaan Proses Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, sisihan piawai, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu di sekolah rendah. Jadual tersebut menunjukkan bahawa 7 item pada tahap tinggi, 2 item berada tahap sederhana dan 1 item berada pada tahap rendah. Masalah pentaksiran yang banyak dalam setiap band atau tahap penguasaan menyebabkan pentaksiran tidak dapat dilakukan secara mendalam dan menyeluruh merupakan item permasalahan yang mendapat skor min paling tinggi (min 4.08). Seramai 83.20% guru menyatakan persetujuan terhadap item masalah ini. Bagi item masalah mentaksir secara berulang kerana kekangan masa merupakan permasalahan yang kedua tertinggi selepas masalah pentaksiran yang banyak dalam setiap band atau tahap penguasaan menyebabkan pentaksiran tidak dapat dilakukan secara mendalam dan menyeluruh. Item ini disokong oleh pernyataan kekerapan bahawa 81.70 % guru dengan skor min (min= 4.01) yang bersetuju dan sangat bersetuju terhadap item tersebut.

Permasalahan yang lain, iaitu terlalu banyak topik yang perlu diselesaikan dalam masa yang sangat terhad melaporkan seramai 81.00 % guru menyatakan persetujuan dengan item ini. Seramai 19% guru kurang setuju dan tidak setuju dengan pernyataan masalah ini. Namun, bagi item masalah tertinggal banyak masa untuk mentaksirkan murid kerana bebanan semakin bertambah apabila saya memegang jawatan-jawatan penting di sekolah yang memaksa saya keluar sekolah untuk berkursus atau terpaksa memberi tumpuan lebih untuk menjalankan tugas-tugas penting

merupakan permasalahan yang dipandang serius. Hali ini kerana, hanya 36.80% guru sahaja bersetuju dengan item tersebut. Seramai 64.80% guru tidak bersetuju dan kurang setuju dengan permasalahan tersebut.

JADUAL 6. Masalah guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD (N=95)

Bil.	Item	STS + TS	KS	S + SS	Min	Tahap Min
1	Saya hadapi kesukaran membuat PBD kerana masalah ketidakhadiran murid ke sekolah	15.80%	47.40%	36.80%	3.57	Tinggi
2	Saya menghadapi kesukaran dalam proses PBD kerana jumlah murid yang ramai.	20.00%	48.40%	31.60%	3.55	Tinggi
3	Saya sukar menghabiskan sukatan murid dalam tempoh yang ditetapkan kerana PBD berulang.	7.40%	13.70%	78.90%	2.84	Rendah
4	Saya menghadapi masalah kerana terlalu banyak topik yang perlu diselesaikan dalam masa yang sangat terhad.	5.30%	13.70%	81.00%	3.96	Tinggi
5	Saya hadapi masalah dalam mentaksir secara berulang kerana kekangan masa.	4.20%	14.70%	81.70%	4.01	Tinggi
6	Saya menghadapi masalah kerana PBD yang banyak dalam setiap band atau tahap penguasaan menyebabkan pentaksiran tidak dapat dilakukan secara mendalam dan menyeluruh.	3.20%	13.70%	83.20%	4.08	Tinggi
7	Saya tertinggal banyak masa untuk mentaksir murid kerana bebanan semakin bertambah apabila saya memegang jawatan-jawatan penting di sekolah.	36.40%	27.40%	36.80%	3.94	Tinggi
8	Saya menghadapi kesukaran kerana ketidaksungguhan saya dalam menaksir menjejaskan seluruh sistem pentaksiran PBD saya.	36.80%	27.40%	35.80%	3.83	Tinggi
9	Saya menghadapi kesukaran kerana tempoh PBD yang singkat	8.50%	36.80%	54.80%	3.13	Sederhana
10	Saya menghadapi kesukaran kerana waktu pengajaran saya adalah terhad untuk melaksanakan proses PBD.	8.50%	36.80%	54.80%	3.28	Sederhana
Purata Keseluruhan					3.619	Tinggi

Kesukaran kerana waktu pengajaran saya adalah terhad untuk melaksanakan proses

pentaksiran dan kesukaran kerana tempoh pentaksiran yang singkat melaporkan seramai 54.80% guru menyokong item ini dan 45.20% tidak setuju dan kurang setuju dengan masalah dalam item ini. Walaupun begitu, bagi item kesukaran kerana ketidaksungguhan saya dalam menaksir menjejaskan seluruh sistem pentaksiran PBD saya hanya dipersetujui oleh seramai 35.80% guru sahaja. Selebihnya, 64.20% guru menafikan masalah item tersebut. Begitu juga dengan item masalah kesukaran dalam proses pentaksiran kerana jumlah murid yang ramai melaporkan seramai 31.60% sahaja menyokong item tersebut.

Bagi item masalah kesukaran membuat pentaksiran kerana masalah ketidakhadiran murid ke sekolah tidak semua guru bersetuju dengan masalah tersebut. Hal ini, diperkuat dengan laporan persetujuan oleh guru menyatakan bahawa Cuma 36.80% guru bersetuju dan 63.20% guru menolak pernyataan masalah ini.

Kesimpulannya, guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah ini masih menghadapi masalah dalam melaksanakan PBD. Tahap masalah yang dihadapi oleh guru adalah tahap tinggi walaupun mereka memiliki pengetahuan, kemahiran dan sikap yang tinggi dan positif akan pelaksanaan PBD. Masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan PBD ini boleh mengganggu tugas guru untuk melaksanakan PBD dengan berkesan.

Rumusan Keseluruhan Kesiediaan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Bagi mengetahui skor min dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru, Jadual 7 menunjukkan bahawa pengetahuan guru (min 4.075), kemahiran guru (min 4.037), sikap guru (min 4.078) dan masalah (min 3.169). Aspek sikap guru mempunyai nilai skor min paling tinggi berbanding skor min pengetahuan guru, dan kemahiran, manakala aspek masalah rendah nilai min yang diperolehi (min 3.619). Walaupun demikian, semua aspek yang dikaji berada pada tahap yang tinggi seperti yang ditunjukkan pada Jadual 7.

JADUAL 7. Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah mengikut skor min

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
Pengetahuan	4.075	0.846	Tinggi
Kemahiran	4.037	0.805	Tinggi
Sikap	4.078	0.889	Tinggi
Masalah	3.619	0.760	Tinggi

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Kesemua item berada pada tahap tinggi kerana 50.45% guru menyatakan bahawa pengetahuan mereka dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu adalah tinggi. Hal ini disokong dengan item-item pengetahuan yang berada pada tahap tinggi. Kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian Tuan Azlyna (2013) menyatakan bahawa tahap kesiediaan guru dari aspek pemahaman pelaksanaan PBS Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Hal ini bertepatan dengan pendapat Rosli (2008) menekankan bahawa guru harus menguasai secara mendalam pengetahuan dalam pelajaran yang diajar untuk menjadikan proses P&P agar berkesan dan berkualiti.

Tahap pengetahuan guru yang tinggi dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu tidak bersesuaian dengan kajian Faizah (2011) yang mengatakan bahawa guru masih berada pada tahap yang sederhana dalam pelaksanaan PBS dari aspek kesiediaan dan pengetahuan. Menurut Aniza dan Zamri (2016), kebanyakan golongan guru memahami PBS dengan mendalam setelah lama mengajar kerana minat yang mendalam semasa menyampaikan ilmu semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Begitu juga dengan dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Hal ini disokong dengan respons guru terhadap item kemahiran menyatakan 73.40% guru melaporkan mereka bersetuju dan sangat bersetuju dengan kesemua item tahap kemahiran. Kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Aniza (2014), menyatakan bahawa guru-guru mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PBS Bahasa Melayu dan tidak dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Dalam

kajian ini, terbukti bahawa guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah memiliki kemahiran yang untuk melaksanakan PBD walaupun pentaksiran ini baharu sahaja dilaksanakan di sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap guru dalam melaksanakan PBD Bahasa Melayu berada tahap yang tinggi. Kesemua item berada pada tahap yang tinggi kerana 83.48% guru bersetuju dan sangat bersetuju. Hal ini kerana hanya 3.49% guru menyatakan mereka tidak bersetuju dan sangat tidak setuju. Kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Tuan Azlyna (2013), Noraini dan Zamri (2016) menyatakan bahawa sikap guru dalam melaksanakan PBS Bahasa Melayu di sekolah menengah berada pada tahap tinggi dan sederhana kerana 58.80% guru melaporkan setuju dan sangat bersetuju. Namun dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian Aniza (2014) yang mendapati bahawa sikap guru dalam pelaksanaan PBS adalah positif dan negatif. Begitu juga dengan dapatan kajian Zamri et al. (2010), yang melaporkan bahawa guru mempunyai sikap kurang keyakinan dalam membuat penilaian terhadap murid.

Kajian ini telah berjaya mengesan bentuk-bentuk masalah yang dihadapi dalam melaksanakan PBD di sekolah rendah terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman Daerah Betong, Sarawak. Keseluruhan item soal selidik pada bahagian masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan PBD mencatat jumlah peratusan yang tinggi. Hal ini, menggambarkan pelbagai masalah yang perlu diselesaikan oleh pelbagai pihak. Masalah pentaksiran yang banyak dalam setiap band atau tahap penguasaan menyebabkan pentaksiran tidak dapat dilakukan secara mendalam dan menyeluruh merupakan item permasalahan yang mendapat skor min paling tinggi (min 4.08). Seramai 83.20% guru menyatakan persetujuan terhadap item masalah ini. Begitu juga dengan permasalahan terlalu banyak topik yang perlu diselesaikan dalam masa yang sangat terhad melaporkan seramai 81.00% guru menyatakan persetujuan dengan item ini dan hanya 19% sahaja guru menafikannya.

Kajian ini selari dengan kajian Tuan Azlyna (2013), Aniza (2014), Aniza dan Zamri (2015) yang menyatakan bahawa guru-guru Bahasa Melayu menghadapi banyak masalah dalam melaksanakan pentaksiran. Antara puncanya ialah

kecairan maklumat yang diterima tentang tatacara pelaksanaan pentaksiran, beban kerja yang banyak, masalah memasukkan maklumat dalam talian, tempoh taksiran yang singkat dan lain-lain. Demikian juga dalam PBD, walaupun PBD merupakan suatu yang baharu diperkenalkan oleh KPM pada 2018 untuk murid-murid sekolah rendah, tetapi guru-guru yang bertanggungjawab melaksanakan PBD ini sudah menyatakan dengan jelas masalah-masalah yang mereka hadapi dan akan hadapi apabila dilaksanakan PBD ini.

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan kajian persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Betong, Sarawak tentang pelaksanaan PBD. Walaupun semua guru Bahasa Melayu bersedia dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan PBD di sekolah rendah kawasan luar bandar dan pedalaman berada pada tahap yang tinggi, namun kajian ini lebih kepada persepsi sahaja. Dapatan kajian ini hanya untuk daerah Betong, Sarawak. Generasilisasi tidak boleh dibuat untuk semua guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah pedalaman, sekolah luar bandar di seluruh Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini telah berjaya mengesan beberapa kelemahan golongan guru dalam melaksanakan PBD. Kelemahan tersebut adalah setiap pentaksiran perlu mengikuti dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Melayu serta tahu PBD dilaksanakan mengikut garis Panduan Pelaksanaan PBD yang ditetapkan oleh KPM (2018) tersebut. Begitu juga dengan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD meningkatkan kepuasan, kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap sekolah melaporkan hanya 52.60% sahaja guru melaporkan setuju dan sangat setuju. Oleh hal yang demikian, pihak PPD atau sekolah sepatutnya mengadakan pelbagai pendedahan yang lebih terperinci dari aspek kursus dan latihan yang berkaitan PBD agar pelaksanaan PBD dapat dijalankan secara berkesan dan sah, lebih-lebih lagi PBD merupakan suatu yang baharu diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2018 bagi murid sekolah rendah.

Bagi masalah-masalah yang dihadapi semasa melaksanakan PBD sepatutnya ditangani dengan segera oleh pihak yang berkaitan. Kerjasama daripada pelbagai pihak seperti ibu bapa, sekolah

dan PPD perlu diambil perhatian untuk menangani masalah yang melibatkan murid, guru dan sukatan pelajaran. Ibu bapa harus diberi pendedahan dan penerangan terhadap pelaksanaan PBD agar dapat membantu pihak sekolah terutamanya guru melicinkan pelaksanaan PBD di sekolah. Seterusnya bagi pihak guru pula, mereka perlulah berusaha untuk mempelbagaikan kaedah dan aktiviti P&P di dalam kelas agar proses pelaksanaan PBD dapat diterima murid dengan menarik. Begitu juga dengan sikap guru haruslah sentiasa peka dengan perubahan arus pendidikan seperti pelaksanaan PBD ini.

RUJUKAN

- Akhbar Ibrahim & Siti Zaliha Reduan. (2002). Penilaian prestasi berasaskan sekolah: *Pelaksanaan dan kesediaan guru*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Aniza Ahmad. (2014). Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod (2015). Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1): 18-29.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. 3rd Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Faizah A. Majid. (2011). School-based assessment in Malaysia schools: The concerns of the English teacher. *Journal of US-China Education Review*, 8 (10): 1548 - 6613.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011a). *Dokumen standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR): Modul Kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan aspek bahasa*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011b). *Pengurusan dan pengendalian pentaksiran bilik darjah sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Zaiton Hanafi & Jamaludin Badusah. (2016). Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusasteraan Melayu Kali Kelima, 539-546. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Bidin & Zamri Mahamod. (2016). Kesediaan murid sekolah menengah terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah dalam mata pelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 64-76.
- Rosli Alias. (2008). Pelaksanaan pentaksiran kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah daerah Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tuan Azlyna Tuan Soh. (2013). Kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah Bahasa Melayu di sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Muhd Rahimi Mohd Yusoff. (2010). *Pentaksiran bilik darjah: Panduan Untuk Guru Bahasa Melayu, Inggeris, dan Arab*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.